

4.7 RETREAT PPUMS BERSAMA BSM

Disediakan oleh: En. Samsuidin Nurdin, Penolong Pendaftar Kanan



Seramai 18 orang pegawai di kalangan Kumpulan Pegawai Pengurusan dan Profesional yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Eksekutif PPUMS Sesi 2011/2013 telah terlibat untuk mengadakan Retreat Pembangunan Sumber Manusia 2012-2014: Peranan Persatuan Pegawai Pengurusan dan Profesional Universiti Malaysia Sabah (PPUMS) bersama Bahagian sumber Manusia pada 25 – 26 Jun 2012.

Retreat yang bermula pada jam 2.30 petang tersebut terlebih dahulu telah dimulakan dengan ucapan aluan daripada Presiden PPUMS, En. No'man Datuk Hj. Ahmad. Dalam ucapan tersebut beliau melahirkan

rasa kesyukuran dan terima kasih kepada Bahagian Sumber Manusia kerana memberi peluang PPUMS dalam menyumbangkan idea dan pandangan untuk menambahbaik Program Pembangunan Profesional Berterusan dan Pengurusan Bakat bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik) UMS.

Taklimat Program Pembangunan Profesional Berterusan dan Pengurusan Bakat telah disampaikan oleh Ketua Bahagian Sumber Manusia (BSM), En. Luqman Ridha Anwar sebelum perbincangan lanjut bersama PPUMS diadakan untuk memberi gambaran yang lebih jelas berkaitan program tersebut.

Modul latihan bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik) digubal berdasarkan Pelan Penggantian Universiti Malaysia Sabah dan resolusi telah dicapai dalam perbincangan di antara BSM dengan PPUMS.